

**RM1.6 bilion**

Kerugian kerosakan rumah

**RM2 bilion**

Kerugian kerosakan aset awam dan infrastruktur

# Jumlah kerugian akibat banjir **RM6.1 bilion**

- Selangor catat kerugian terbesar berjumlah **RM3.1 bilion**
- Bencana sebabkan **170,000 mangsa ditempatkan di PPS**

Oleh **Latifah Arifin**  
latifah@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Bencana banjir yang melanda 11 negeri pertengahan bulan lalu dan awal bulan ini mengakibatkan kerugian RM6.1 bilion kepada pelbagai sektor.

Jumlah kerugian tertinggi direkodkan membabitkan kerosakan aset awam dan infrastruktur iaitu sebanyak RM2 bilion, manakala tempat kediaman RM1.6 bilion, kenderaan (RM1 bilion), pembuatan (RM900 juta), premis perniagaan (RM500

juta) dan sektor pertanian (RM90.6 juta).

Daripada jumlah itu, Selangor mencatat kerugian terbesar RM3.1 bilion, diikuti Pahang (RM593.2 juta), Melaka (85.2 juta), Negeri Sembilan (RM77.1 juta), Johor (RM50.1 juta), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (RM32.4 juta), Kelantan (RM22 juta), Sabah (RM9.3 juta), Perak (RM3.4 juta), manakala Terengganu dan Sarawak kurang satu juta ringgit.

**Nasional 2**

**RM1 bilion**

Kerugian kerosakan kenderaan

**RM500 juta**

Kerugian kerosakan premis perniagaan

**RM900 juta**

Kerugian kerosakan sektor pembuatan

**RM90.6 juta**

Kerugian kerosakan sektor pertanian



# 3 daerah paling terjejas alami kerugian besar

Dari Mukaj 1

Ketua Perangkawan, Datuk Sri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata jumlah kerugian itu diperoleh menerusi survei khas untuk menilai impak banjir Malaysia pada pertengahan bulan lalu yang dijalankan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) bermula 30 Disember 2021 sehingga 27 Januari lalu.

Kajian itu dilakukan di negeri yang terkesan dengan banjir, iaitu Johor, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Selangor, Terengganu, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

DOSM mengeluarkan Laporan Khas Impak Banjir Malaysia 2021 itu semalam.

Mohd Uzir dalam kenyataannya bersama laporan itu berkata, kajian impak berkenaan bertujuan menilai jumlah kerugian dan kerosakan akibat banjir yang melanda negara pada akhir tahun lalu dan awal tahun ini, meliputi kerugian kepada tempat kediaman, kenderaan, premis perniagaan dan perindustrian, industri pertanian serta aset awam dan infrastruktur.

Banjir besar luar biasa itu menyebabkan 55 orang terkorban dan lima lagi masih hilang, manakala lebih 170,000 penduduk terpaksa ditempatkan ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS).

Bencana itu juga menyebabkan lebih 50,000 kenderaan dan lebih 10,000 kediaman mengalami kerosakan.

Mohd Uzir berkata, tiga daerah yang paling terjejas dan mengalami kerugian besar akibat ban-

dir adalah Klang (RM1.2 bilion), Petaling (RM1.1 bilion) dan Hulu Langat (RM400 juta)

Katanya, daripada RM1.6 bilion nilai kerosakan membabitkan tempat kediaman di seluruh negara, Selangor merekodkan jumlah kerugian terbesar iaitu RM1 bilion, diikuti Pahang RM425.5 juta dan Melaka RM69.7 juta.

Di Pahang, daerah Kuantan mencatatkan kerugian tertinggi bagi tempat kediaman iaitu RM197.4 juta, disusuli Temerloh dengan RM95.1 juta dan Bentong (RM60 juta).


Daerah Melaka Tengah paling terjejas di Melaka dengan kerugian sebanyak RM60.8 juta, diikuti Alor Gajah dan Jasin.

Bagi kenderaan, tiga negeri yang mencatatkan kerugian tertinggi adalah Selangor RM855 juta, Pahang RM78.2 juta dan Negeri Sembilan RM18.3 juta.

Mohd Uzir berkata, Selangor turut merekodkan kerugian tertinggi bagi dua lagi sektor iaitu pembuatan, sebanyak RM884.5 juta dan premis perniagaan iaitu RM396.4 juta.

Bagi pengumpulan data, DOSM menggunakan kaedah banci secara bersemuka, selain soal selidik, kaedah pemerhatian dan panggilan telefon, selain menggunakan data diperoleh daripada pelbagai agensi lain seperti Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Agensi Pengurusan Bencana Negara, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Polis Diraja Malaysia, Angkatan Pertahanan Awam, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, selain kerajaan negeri, pejabat daerah dan PPS.

## Kerugian impak banjir di Malaysia 2021



Sumber: Laporan Khas Impak Banjir di Malaysia 2021, Jabatan Perangkaan Malay.